

Headline	Pasar Herba Malaysia akan diwujudkan Ahmad Shabery		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	158 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,151
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,453



# Pasar Herba Malaysia akan diwujudkan – Ahmad Shabery

**PUTRAJAYA 3 Nov.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhasrat mewujudkan sebuah pasar premium dikenali sebagai Pasar Herba Malaysia, khusus untuk menjual tanaman berasaskan herba selain mengangkat populariti produk berkenaan di persada antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, ketika ini permintaan terhadap produk herba amat tinggi, namun pengguna sukar untuk membelinya kerana tiada tempat khusus dan dijual di kawasan-kawasan tertentu yang tidak popular dan terpencil.

Beliau berkata, untuk mewujudkan Pasar Herba Malaysia, kementerian itu memerlukan kerjasama semua pihak termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan juga Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Sudah tiba masanya Malaysia menghasilkan satu atau dua produk yang menjadi juara produk herba di peringkat antarabangsa

bagi memudahkan laluan kepada produk lain memasuki pasaran dunia.

“Walaupun Malaysia telah dikenali sebagai negara yang kaya dengan pelbagai jenis herba, namun masih belum dapat menandingi beberapa produk herba premium negara lain yang lebih ke hadapan dalam soal pemasaran,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Persidangan Industri Herba 2015 di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Azizan Mohamad Sidin.

Menurut Ahmad Shabery, kementeriannya bertanggungjawab untuk membawa produk berasaskan herba ke peringkat lebih tinggi dan ini menjadi asas untuk mewu-



**AHMAD SHABERY CHEEK**

judkan pasar premium yang bakal menjadi pusat sehenti.

“Pasar premium itu mesti diwujudkan jika tidak mahu produk berasaskan herba dianggap dijual di kaki lima atau di pasar-pasar harian yang mengundang pelbagai persepsi negatif,” katanya.

Dalam pada itu, Abd. Latif berkata, pihaknya telah mewujudkan Sistem Rantian Industri Herba yang merupakan pangkalan data bagi merekodkan maklumat bancian dan tinjauan yang dijalankan penyelidik FRIM.

“Kita kini telah merekodkan maklumat 6,570 pengusaha herba dan akan siap sepenuhnya dalam masa dua tahun lagi. Pangkalan data itu bertujuan membolehkan pihak berkepentingan mendapatkan akses kepada maklumat terkini berkaitan industri herba,” katanya.